

**ANALISIS PENCAPAIAN *ḤIFẒ AL-DĪN*
TERHADAP ENAKMEN KESALAHAN
JENAYAH SHARIAH BAGI KESALAHAN
BERKAITAN AKIDAH BERDASARKAN
KAEDAH *FUZZY DELPHI***

**An Analysis of the Achievement of *ḤifẒ al-Dīn*
in the Shariah Criminal Offences Enactments
for Aqidah-Related Offences Based on the Fuzzy
Delphi Method**

Wan Mohd Amjad Wan Halim*

Mohd Akram Dato' Dahaman@Dahlan**

Muhammad Ikhlas Rosele***

Zulfahmi Mohamad****

* Senior Lecturer, School of Languages, Civilisations and Philosophy (SLCP), College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia. (Corresponding Author) E-mail: amjadhalim@uum.edu.my

** Associate Professor, School of Languages, Civilisations and Philosophy (SLCP), College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia. E-mail: akram@uum.edu.my

*** Associate Professor, Department of Fiqh Usul and Applied Sciences, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: ikhlas@um.edu.my

**** Senior Lecturer, School of Languages, Civilisations and Philosophy (SLCP), College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia. E-mail: zulfahmi@uum.edu.my

Rohani Desa*****

Mohd Faiz Mohd Yaakob*****

ABSTRACT

Islam is a religion that emphasises peace, well-being, and prosperity in human life. In line with this principle, the implementation of Shariah criminal punishments aims to preserve public interest (maṣlahah). In Malaysia, the Shariah Criminal Offences Enactments were formulated to address issues related to Shariah crimes. The maximum penalty for Shariah criminal offences, including those related to faith deviation, is three years' imprisonment, six strokes of whipping, and a fine of RM5,000. However, the alarming issues related to faith deviation, including the emergence of various movements that threaten the faith of Muslims such as the New Age Movement, indicate the need to re-examine the effectiveness of these punishments. This study aims to evaluate expert consensus on the achievement of Maqāṣid al-Sharī'ah in the implementation of the maximum punishment regarding faith deviation. The Fuzzy Delphi method was employed, involving 20 expert informants and one element consisting of six items. The findings show a consensus that the existing punishments do not meet the objectives of Maqāṣid al-Sharī'ah. This includes offences related to faith deviation. The experts reached a consensus that the punishments are too lenient to effectively prevent such crimes.

***** Senior Lecturer, Kulliyah of Shariah and Law, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic University (UniSHAMS), Kuala Ketil Campus, 09300 Kedah, Malaysia. E-mail: rohanidesa@unishams.edu.my

***** Associate Professor, School of Education (SOE), College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia. E-mail: mohd.faiz@uum.edu.my

Keywords: *Consensus, Fuzzy Delphi, Maqāṣid al-Sharī'ah, Shariah Criminal Offenses Enactment.*

PENDAHULUAN

Kes berkaitan jenayah syariah secara umumnya dalam kalangan umat Islam di Malaysia berada pada tahap yang membimbangkan. Sebagai contoh, dapat dilihat dalam masalah ini semakin menular dan dilihat semakin kompleks disebabkan pelbagai faktor seperti pergaulan bebas, pengaruh rakan sebaya, kelemahan sistem pendidikan rohani serta sifat ingin tahu dalam kalangan remaja.¹ Seterusnya, apa yang lebih membimbangkan ialah kes berkaitan akidah dan pemikiran Islam di Malaysia yang semakin kompleks serta mencabar dalam konteks semasa.² Hal ini dapat dilihat melalui pelbagai cabaran baharu yang muncul hasil daripada perkembangan teknologi maklumat, globalisasi, serta pengaruh ideologi asing yang mudah diakses oleh masyarakat, khususnya golongan muda. Kemunculan fahaman liberalisme, pluralisme agama, sekularisme dan kepercayaan tradisional seperti animisme³ serta gerakan-gerakan baharu seperti *New Age Movement* turut memperlihatkan ancaman serius terhadap keteguhan pegangan akidah umat Islam. Tambahan pula, cabaran ini diperhebatkan dengan penggunaan media sosial sebagai medium penyebaran idea yang tidak selari dengan ajaran Islam seperti aktiviti ‘jom ziarah gereja’ yang akhirnya boleh mengelirukan, melemahkan kefahaman serta keyakinan umat Islam terhadap prinsip dan nilai agama mereka.⁴

¹ M. R. Ab Razak & S. H. Hamjah, “Faktor Zina Dan Kesannya Dalam Kehidupan Remaja,” *Sains Insani* 2 no. 2 (2018): 1–9, <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no2.30>.

² Nur Aisyah Asyikin Mohd Zurita & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. “Penyelewengan Akidah dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Satu Analisis, Perversion of Faith Heresy in Malaysia: A Review,” *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 23, no.2 (2022): 197-206.

³ N. S. Moid & M. F. Ashaari, “Kesalahan Akidah dalam Kalangan Masyarakat Islam di Ranau, Sabah dan Inisiatif Menanganinya: Distortion in Beliefs among the Muslim Community in Ranau, Sabah and Initiatives to Address Them,” *Al-Qanātir: International Journal of Islamic Studies* 33, no. 5 (2024): 57–70.

⁴ Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi, Nurul Syafiqah Izzaty Mohd Baharom, Siti Farahiyah Ab Rahim, and Abdul Hannan Elissa, “Religious Freedom from an Islamic Perspective in Malaysia: A Case Study of 4th Year Undergraduate Students of Fiqh and

Oleh itu, isu ini memerlukan perhatian serius daripada pelbagai pihak termasuk institusi agama, akademik, dan pihak berkuasa dalam memastikan kelestarian akidah umat Islam di Malaysia.⁵

Kesalahan berkaitan akidah dalam undang-undang jenayah Syariah di Malaysia merangkumi dua aspek utama iaitu ajaran sesat dan perbuatan murtad. Perkara ini diperuntukkan dalam akta dan enakmen negeri, antaranya Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 yang menyenaraikan kesalahan seperti Pemujaan Salah (Seksyen 3), Doktrin Palsu (Seksyen 4), Mengembangkan Doktrin Agama (Seksyen 5) dan Dakwaan Palsu (Seksyen 6). Negeri Pahang pula melalui Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 menambah peruntukan khusus berkaitan akidah seperti Mendakwa Bukan Islam (Seksyen 8), Percubaan Keluar Islam (Seksyen 9) dan Membuat Kenyataan Keluar Islam (Seksyen 10).⁶

Berdasarkan peruntukan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia, kesalahan yang melibatkan kerosakan akidah dan pelanggaran kesusilaan seperti khalwat, qazaf, persetubuhan luar nikah, muncikari, pelacuran, liwat dan *musāhaqah* umumnya dikenakan hukuman yang dianggap ringan jika dibandingkan dengan hukuman yang ditetapkan dalam hukum syarak. Sebagai contoh, menurut Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Melaka 1991, kesalahan percubaan melakukan persetubuhan haram hanya memperuntukkan hukuman maksimum denda sebanyak RM5,000, penjara selama tiga tahun, atau kedua-duanya sekali. Hukuman ini adalah kerana keterikatan mahkamah dengan Akta 355 yang memperuntukkan hukuman maksimum 3 tahun penjara, denda RM5,000 dan 6 kali sebatan. Begitu juga bagi

Fatwa at Universiti Sains Islam Malaysia,” *Journal of Fatwa Management and Research* 29, no. 3 (2024): 173–198.

⁵ M. N. Mat Hussin, M. Z. Daud, R. Md Noor, and A. Che Omar, “An Analysis of Issues Relating to Aqidah and Beliefs among Muslims in Malaysia,” *Malaysian Journal of Syariah and Law* 11, no. 2 (2023): 366–380.

⁶ M. N. Mat Hussin, M. Z. Daud, R. Md Noor, and A. Che Omar, “An Analysis of Issues Relating to Aqidah and Beliefs among Muslims in Malaysia,” *Malaysian Journal of Syariah and Law* 11, no. 2 (2023): 366–380.

kesalahan percubaan melacurkan isteri atau anak perempuan, hukuman maksimum yang diperuntukkan adalah denda RM5,000, penjara selama tiga tahun, enam kali sebatan, atau gabungan ketigatiganya. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, hukuman-hukuman ini dilihat kurang setimpal jika dibandingkan dengan ketetapan hukuman dalam hukum syarak yang lebih tegas dalam memelihara maruah dan keturunan.⁷ Sedangkan kesalahan berkaitan kesusilaan sewajarnya dikenakan hukuman yang lebih berat, lebih-lebih lagi kesalahan berkaitan kerosakan akidah kerana akidah lebih berat nilainya dalam hukum syarak. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mendapatkan konsensus dalam kalangan pakar berkaitan keberkesanan peruntukan hukuman sedia ada dalam mencapai matlamat pemeliharaan agama (*Hifz al-Dīn*) sebagaimana dituntut oleh *Maqāṣid al-Sharī'ah*.

Pelaksanaan hukuman sedia ada ini sangat penting untuk dilihat dari sudut *Maqāṣid al-Sharī'ah* bagi menganalisis sama ada peruntukan sedia ada selari dengan *Maqāṣid al-Sharī'ah* atau tidak menurut persepektif pakar. Berdasarkan pengertian yang dibahaskan oleh para ulama, istilah *Maqāṣid al-Sharī'ah* secara umumnya dapat diertikan sebagai matlamat disyariatkan sesuatu hukum, objektif, tujuan dan rahsia hukum syarak.⁸ *Maqāṣid* dan *al-Sharī'ah* apabila disatukan bermaksud matlamat dan tujuan di sebalik jalan untuk mempraktikkan agama.⁹ Ibn 'Asyūr menjelaskan bahawa *Maqāṣid al-Sharī'ah* merupakan hikmah-hikmah yang dapat dicungkil daripada pensyariatan sesuatu hukum.¹⁰ 'Alal al-Fāsī menyatakan bahawa *Maqāṣid al-Sharī'ah* ialah rahsia dan matlamat yang

⁷ W. M. A. Wan Halim & R. Desa, "Analisis Pencapaian Hifz al-Nasab terhadap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Berdasarkan Kaedah *Fuzzy Delphi*," *Jurnal Fiqh* 19, no. 1 (2022): 109–132.

⁸ Paizah Ismail, "Keperluan Memahami *Maqāṣid al-Syarī'ah* dalam Membina Fiqh Semasa" (makalah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003, Jabatan Syarī'ah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 13.; Mahmood Zuhdi Abd. Majid et al., *Pengantar Pengajian Syarī'ah*, 177.

⁹ Marwan Bukhari A. Hamid, *Citra Maqāṣid al-Syarī'ah: Dari Kelahiran hingga Kebangkitan* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia Press, 2021), 28.

¹⁰ Muḥammad al-Ṭāhir Ibn 'Āshūr, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (Tunis: Dār al-Syuhun, 2007), 49.

ditentukan oleh Allah S.W.T. pada sesuatu hukum.¹¹ Pengkaji tertarik dengan pendefinisian yang dikemukakan oleh al-Dahlawī yang mana beliau menerangkan *Maqāṣid al-Sharī'ah* merujuk kepada satu disiplin ilmu yang membincangkan makhfi-makhfi di sebalik pensyariatian hukum syarak.¹²

Konsep *Hifẓ al-Dīn* merupakan tujuan tertinggi dan teragung di dalam objektif utama turunya syariat Islam. *Hifẓ* dan *al-Dīn* merupakan dua perkataan berasingan yang berasal daripada bahasa arab. *Hifẓ* secara ringkasnya bermaksud memelihara.¹³ Memelihara dalam konteks bahasa melayu pula membawa beberapa konotasi makna seperti menyelamat, merawat, menyimpan, menjaga, menternak dan membela.¹⁴ Menurut al-Jurjānī, *al-Dīn* merujuk kepada satu disiplin yang bersifat rabbani untuk mengajak manusia yang sihat akalinya untuk menerima dakwah Rasulullah S.A.W.¹⁵ Al-Dīn dalam konteks yang lebih spesifik bererti kepatuhan dan ketundukkan kepada tuhan yang esa. Selain itu, al-Dīn juga boleh didefinisikan sebagai agama Islam yang berteraskan keimanan kepada konsep tauhid. Risalah tauhid inilah yang dijunjung oleh para nabi dan rasul utusan Allah S.W.T.¹⁶ Oleh itu, dapat difahami bahawa *hifẓ al-dīn* adalah pemeliharaan akidah dari sudut sedia ada iaitu wujudnya akidah itu dan dari sudut pemuliharaan akidah daripada sebarang kerosakan. Sebagai contoh, ketika pemerintahan Saidina Abu Bakar al-Ṣiddīq RA, beliau telah mengisytiharkan peperangan terhadap golongan *al-Riddah*.¹⁷ Hal ini demikian kerana, Saidina Abu Bakar al-Ṣiddīq RA menilai

¹¹ 'Ilāl al-Fāsī, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa Makārimuha* (Misr: Dār al-Salām lil Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah, 2011), 3.

¹² al-Raysūnī, *Naẓariyat al-Maqāṣid 'Inda al-Imām al-Syātībī* (Riyadh: Dār al-'Alamiyyah li al-Kitāb al-Islāmī, 1995), 19.

¹³ Fuad Ifram al-Bustani, *Munjid Tullab* (Beirut: Dār al-Masyreq, 1956), 130.

¹⁴ Noresah Baharom, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1994), 1000.

¹⁵ al-Jurjānī, al-Sharif bin Alī, *al-Ta'rifāt* (t.t.: t.t.), 105.

¹⁶ Sheikh Alwi Ibn Abd al-Qadir al-Seqaf, "Ta'arīf al-Adyan Lughatan wa Istilahan," *Mausu'ah al-Milal Wa al-Adyan*, 5 (t.t): 1.

¹⁷ Ismā'īl ibn 'Umar Ibn Kathīr, *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1986), 6:343–344.

fenomena ini sebagai ancaman serius terhadap akidah dan kesatuan umat Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi menjayakan objektif kajian, penulis menggunakan analisis kaedah *Fuzzy Delphi*. Kaedah *Fuzzy Delphi* adalah modifikasi dengan penambahbaikan daripada kaedah *Delphi*. Kaedah *Fuzzy Delphi* merujuk kepada satu kaedah bagi mendapatkan persetujuan dan persepakatan sekumpulan pakar dalam sesuatu bidang berkenaan sesuatu isu. Setelah konsensus pakar diperolehi sama ada melalui soal selidik atau temu bual, persetujuan tersebut pula diterjemahkan dalam bentuk kuantitatif supaya menatijahkan kajian yang berbentuk empirikal.¹⁸ Pengkaji juga telah melaksanakan temu bual bagi mendapatkan data yang lebih tuntas.

Melalui kaedah temu bual pula, pengkaji menggunakan soalan separa berstruktur dengan menggunakan soalan terbuka tetapi berfokus kepada tajuk bagi mendapatkan jawapan daripada informan berdasarkan pandangan dan pendirian mereka sendiri.

Bagi kaedah temu bual yang dijalankan, pengkaji menggunakan soalan separa berstruktur. Soalan yang dikemukakan kepada informan ialah mengenai pandangan mereka terhadap peruntukan hukuman jenayah berkaitan kerosakan akidah di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia. Pengkaji juga mengemukakan soalan berkaitan pendirian mereka terhadap pencapaian *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam implementasi hukuman tersebut. Data yang diperolehi melalui temu bual ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan yang telah dibahagikan mengikut tema-tema tertentu. Pengkaji juga melaksanakan temu bual secara mendalam kepada informan terpilih bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan data.

Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan soal selidik dan memilih penggunaan skala *7 likert* yang merangkumi seperti jadual berikut:

¹⁸ Mohd Ridhuan bin Mohd Jamil, *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan* (Shah Alam: Qaisar Prestige Resources, 2021), 93.

Jadual 1.0: Skala *Likert* 7 Mata

Skala <i>Likert</i> 7						
1.	2.	3.	4.	5.	6.	7.
Teramat tidak setuju	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Teramat setuju

Justifikasi dan rasionalnya pengkaji memilih skala *likert* 7 ialah untuk mengurangkan kadar kekaburan atau nilai *fuzzy* berbanding skala *likert* 5. Sebagai contoh, bagi kajian yang menggunakan soal selidik skala 5 *likert* iaitu skala 5 mewakili sangat setuju, skala 4 mewakili setuju, skala 3 mewakili sederhana setuju atau neutral, skala 2 mewakili tidak setuju dan skala 1 mewakili sangat tidak setuju. Walau bagaimanapun, skala *likert* 5 mata ini mempunyai beberapa isu yang melibatkan ketidakpastian dan kekaburan seperti berikut:¹⁹

- i. Berapakah peratusan persetujuan daripada sekumpulan pakar berdasarkan skala 5?
- ii. Adakah skala 5 itu mewakili 100% persetujuan sekumpulan pakar?
- iii. Kadar nilai kekaburan atau *fuzzy* lebih tinggi berbanding skala 7 *likert*.

Bagi menjayakan teknik analisis *Fuzzy Delphi*, pengkaji terlebih dahulu membangunkan soal selidik berdasarkan data daripada kajian kepustakaan seperti buku, artikel, jurnal, makalah, akhbar dan laman sesawang yang berkaitan. Data yang diperolehi tersebut disaring, dianalisis, ditafsir untuk dibangunkan soal selidik kepada pakar kajian. Seterusnya, pengkaji telah mengenal pasti 20 pakar kajian seperti berikut:

¹⁹ Mohd Ridhuan bin Mohd Jamil, *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan* (Shah Alam: Qaisar Prestige Resources, 2021), 91.

Jadual 2.0: Informan Kumpulan Pakar Kajian

Pakar	Jawatan	Bidang Kepakaran	Pengalaman
Pakar 1	Professor Madya	Syarī'ah Fiqh Usul	16-20 tahun
Pakar 2	Professor Madya	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 3	Professor Madya	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 4	Professor	Syarī'ah Fiqh Usul	16-20 tahun
Pakar 5	Professor Madya	Syarī'ah Fiqh Usul	16-20 tahun
Pakar 6	Professor Madya	Syarī'ah & Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 7	Hakim Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 8	Hakim Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 9	Ketua Hakim Syarie Malaysia	Syarī'ah Undang-Undang	20 tahun ke atas
Pakar 10	Ketua Hakim Syarie Melaka	Syarī'ah Undang-Undang	20 tahun ke atas
Pakar 11	Hakim Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 12	Hakim Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	20 tahun ke atas

Pakar 13	Hakim Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	20 tahun ke atas
Pakar 14	Ketua Hakim Syarie Pahang	Syarī'ah Undang-Undang	20 tahun ke atas
Pakar 15	Peguam Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 16	Peguam Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	16-20 tahun
Pakar 17	Peguam Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 18	Peguam Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 19	Peguam Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 20	Peguam Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa pakar kajian yang telah dipilih mempunyai kepakaran dan pengalaman yang signifikan dalam bidang masing-masing. Semua pakar kajian mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun. Seterusnya, semua kumpulan pakar kajian ini telah mengisi kaji selidik untuk menyatakan persetujuan mereka yang mengandungi skala *likert 7* mata seperti yang dinyatakan pada Jadual 1.0. Data yang diperolehi tersebut dianalisis menggunakan perisian *Microsoft Excel* untuk diterjemahkan kepada data *Fuzzy* dan peratusan.

Jadual 3.0: Penafsiran skala 7 *likert* kepada skala *Fuzzy Delphi*²⁰

Aras Persetujuan	Skala <i>Likert</i>	Skala <i>Fuzzy</i>		
Teramat Setuju	7	0.9	1	1
Sangat Setuju	6	0.7	0.9	1
Setuju	5	0.5	0.7	0.9
Sederhana Setuju	4	0.3	0.5	0.7
Tidak Setuju	3	0.1	0.3	0.5
Sangat Tidak Setuju	2	0	0.1	0.3
Teramat Tidak Setuju	1	0	0	0.1

Bagi kajian ini, pengkaji mengaplikasikan tiga syarat berdasarkan kaedah *Fuzzy Delphi* untuk mengesahkan setiap elemen, item dan sub item dalam soal selidik tersebut. Syarat satu dan dua terikat antara satu sama lain kerana ia berada dalam bahagian segitiga *fuzzy (Triangular Fuzzy Numbers)*.²¹ Syarat ketiga pula bertujuan menganalisis data melalui Proses Penilaian *Fuzzy* bagi mengenal pasti kedudukan dan keutamaan setiap elemen dan item dalam soal selidik. Melalui syarat pertama dalam kaedah *Fuzzy Delphi* ini pengkaji menggunakan nilai *Threshold, d* melalui kaedah rumus berikut.²²

²⁰ Mohd Ridhuan bin Mohd Jamil, *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan* (Shah Alam: Qaisar Prestige Resources, 2021), 117.

²¹ Mohd Ridhuan bin Mohd Jamil, *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan* (Shah Alam: Qaisar Prestige Resources, 2021), 106.

²² C. T. Chen, "Extensions of the TOPSIS for Group Decision-Making under Fuzzy Environment," *Fuzzy Sets and Systems* 114, no. 1 (2000): 1–9 dan C. H. Cheng and Y. Lin, "Evaluating the Best Main Battle Tank Using Fuzzy Decision Theory with Linguistic Criteria Evaluation," *European Journal of Operational Research* 142, no. 1 (2002): 174–186.

Rajah 1.0: Rumusan kaedah kiraan nilai *threshold*

$$d(\tilde{m}, \tilde{n}) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}$$

Selain itu, menerusi syarat dua pula pengkaji menganalisis kesepakatan sekumpulan pakar dengan kadar peratusan tidak kurang daripada 75%. Perkara ini bermaksud sekiranya peratusan persetujuan sekumpulan pakar kurang daripada 75% maka elemen atau item tersebut dianggap tidak disepakati oleh sekumpulan pakar tersebut.²³

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, penilaian pencapaian *Maqāsid al-Sharī'ah* khususnya bagi kesalahan yang berkaitan dengan akidah dibuat berdasarkan konsensus daripada pandangan kumpulan pakar kajian. Penilaian pencapaian pada bahagian ini dibuat berdasarkan item satu dalam soal selidik berikut:

Dalam kajian ini, pakar kajian telah menyatakan persepakatan mereka berdasarkan elemen dan item berikut:

Jadual 4.0: Elemen *Hifz al-Din* dan setiap item

Bil.	Elemen: <i>Hifz al-Din</i>	Item
1.	Elemen: <i>Hifz al-Din</i>	“kadar hukuman maksimum (3 tahun penjara, 6 kali sebatan, denda RM5000) dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia bagi kesalahan menghina agama Islam TIDAK MENCAPAI tahap <i>Hifz al-Din</i> (memelihara agama)”
2.		“kadar hukuman maksimum (3 tahun penjara, 6 kali sebatan, denda RM5000) dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di

²³ H. C. Chu and G. J. Hwang, “A Delphi-Based Approach to Developing Expert Systems with the Cooperation of Multiple Experts,” *Expert Systems with Applications* 34, no. 4 (2008): 2826–2840.

		<p><i>Malaysia bagi kesalahan mempersendakan ayat al-Quran atau Hadis TIDAK MENCAPAI tahap Hifz al-Dīn (memelihara agama)”</i></p>
--	--	--

Jadual di atas menunjukkan item yang telah dimasukkan dalam kaji selidik. Kumpulan pakar kajian menyatakan persetujuan mereka terhadap pencapaian *Maqāsid al-Sharī’ah* Khususnya dalam masalah *Hifz al-Dīn* dalam hukuman Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia. Kumpulan pakar kajian menyatakan pendirian mereka berdasarkan skala *likert 7* mata seperti yang telah dijelaskan pada Jadual 1.0.

Pengkaji tidak menafikan bahawa kesalahan berkaitan akidah dalam EKJS merangkumi beberapa kesalahan lain. Walau bagaimanapun, kesalahan dan hukuman ini dipilih memandangkan kesalahan ini memperuntukkan hukuman yang maksimum dalam EKJS. Berdasarkan dapatan pakar, jika hukuman yang maksimum tidak mencapai *Hifz al-Dīn*, maka secara *Qiyās al-Awlā* sudah tentu hukuman yang lebih rendah tidak memadai. Justeru pengkaji memfokuskan kepada dua kesalahan yang memperuntukkan kesalahan maksimum ini.

Jadual 5.0: Nilai *Threshold* d setiap item

No.	Pakar Kajian/Jawatan/Item	1	2
1	0.060	0.046	0.062
2	0.122	0.046	0.163
3	0.122	0.151	0.517
4	1.137	1.113	1.097
5	0.122	0.151	0.163
6	0.122	0.151	0.163
7	0.060	0.046	0.163

Analisis Pencapaian *Hifz al-Din* Terhadap Enakmen
Kesalahan Jenayah Shariah bagi Kesalahan Berkaitan
Akidah Berdasarkan Kaedah *Fuzzy Delphi*

8	0.122	0.151	0.163
9	0.060	0.046	0.062
10	0.060	0.046	0.062
11	0.122	0.151	0.163
12	0.122	0.046	0.062
13	0.122	0.151	0.163
14	0.122	0.151	0.163
15	0.122	0.151	0.163
16	0.060	0.046	0.230
17	0.270	0.046	0.163
18	0.060	0.241	0.062
19	0.122	0.046	0.062
20	0.122	0.046	0.062
Nilai d setiap item		0.162	0.151

* Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 = Terima

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa nilai *Threshold* d bagi setiap item tidak lebih daripada nilai 0.2. Perkara ini menunjukkan bahawa kumpulan pakar kajian menerima setiap item tersebut.

Jadual 6.0: Dapatan akhir data analisis teknik *Fuzzy Delphi* konsensus kumpulan pakar

Bi l	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>				Kesepakatan Pakar
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>	
1	<i>Ĥifẓ al-Dīn</i>	0.162	95.00%	0.775	0.915	0.960	0.882	Terima
2	<i>Ĥifẓ al-Dīn</i>	0.151	95.00%	0.735	0.890	0.960	0.862	Terima

* Peratusan persetujuan $\geq 75\%$ = Kesepakatan kumpulan pakar kajian

Berdasarkan jadual di atas, mempamerkan nilai *threshold* (d) oleh setiap item adalah kurang ≤ 0.2 iaitu sebanyak 0.162. Perkara ini membawa maksud bahawa pakar kajian memberikan konsensus terhadap item tersebut. Justifikasinya adalah berdasarkan penghujahan daripada Cheng dan Lin yang menyatakan bahawa bagi mendapatkan kesepakatan kumpulan pakar kajian, nilai *threshold* (d) perlu kurang daripada 0.2.²⁴ Selain itu, jadual di atas juga menunjukkan nilai purata nombor *fuzzy* atau skor *fuzzy* pada item tersebut melebihi 0.5 dengan nilai sebanyak 0.882 pada item satu dan 0.862 pada item dua. Perkara ini menunjukkan kesepakatan pakar kajian pada item satu dalam soal selidik tersebut. Hal ini demikian kerana, menurut argumentasi oleh Ridhuan bahawa hanya

²⁴ C. H. Cheng and Y. Lin, “Evaluating the Best Main Battle Tank Using Fuzzy Decision Theory with Linguistic Criteria Evaluation,” *European Journal of Operational Research* 142, no. 1 (2002): 174–186.

nilai skor *Fuzzy* yang melebihi 0.5 dikira item tersebut mendapat kesepakatan pakar kajian.²⁵

Di samping itu, berdasarkan jadual di atas juga menunjukkan nilai peratus kesepakatan kumpulan pakar kajian melebihi 75%, iaitu dengan peratusan sebanyak 95% bagi dua item tersebut. Oleh itu, menurut argumentasi daripada Chu dan Hwang data tersebut diinterpretasikan sebagai mendapat kesepakatan pakar kumpulan kajian.²⁶ Berdasarkan nilai *threshold* (d), peratusan kesepakatan kumpulan pakar kajian dan skor *Fuzzy* jelas menunjukkan pakar kajian bersepakat bahawa Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia khususnya bagi kesalahan berkaitan akidah tidak mencapai *Maqāsid al-Sharī'ah*.

Menurut Informan 1, Peruntukan hukuman dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia perlu diperhalusi supaya pelaksanaannya lebih holistik dan mencapai matlamat yang dikehendaki oleh syarak. Penerapan unsur tarbiah dan konsep mendidik juga menjadi keutamaan dalam pelaksanaan hukuman tersebut Setidaknya, pelaksanaan hukuman EKJS lebih dekat dengan peruntukan dalam hukum syarak.²⁷ Buktinya, menurut Informan 2 peruntukan sedia ada secara umumnya tidak dapat dinilai dari sudut angka penjara, sebatan dan denda semata-mata. Hal ini kerana hukuman sedia ada lebih bersifat hukuman tanpa dikaitkan dengan konsep mendidik. Oleh itu, pemeraksanaan dari segenap aspek perlu dilaksanakan agar peruntukan sedia ada lebih bersifat menyeluruh. Sebagai contoh, pemeraksanaan dari sudut pandang hukuman yang turut melibatkan hukuman itu sendiri bersifat mendidik bukan menghukum semata-mata. Enakmen yang

²⁵ Mohd Ridhuan bin Mohd Jamil, *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan* (Shah Alam: Qaisar Prestige Resources, 2021), 182.

²⁶ H. C. Chu and G. J. Hwang, "A Delphi-Based Approach to Developing Expert Systems with the Cooperation of Multiple Experts," *Expert Systems with Applications* 34, no. 4 (2008): 2826–2840.

²⁷ Informan 1. (Pegawai Bahagian Dasar & Penyelidikan BDP, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia) dalam temu bual pada 22 Disember 2025.

berkaitan juga, perlu diperincikan agar bidang kuasa Mahkamah Syariah jelas dan lebih meluas.²⁸

Tambahan pula, menurut Informan 3 peruntukan hukuman dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia tidak mencapai *Maqāṣid al-Sharī'ah* walaupun pelbagai kaedah hukuman dan denda tambahan dilaksanakan seperti pemulihan dijalankan sebagai hukuman alternatif. Oleh itu, peruntukan hukuman sedia ada tidak menepati *Maqāṣid al-Sharī'ah*.²⁹ Menurut Informan 4, berdasarkan perkembangan semasa terhadap hukuman bagi kes jenayah syariah serta kesalahan yang didakwa di mahkamah syariah tidak mencapai *Maqāṣid al-Sharī'ah* kerana hukuman yang diperuntukkan adalah terlalu rendah berbanding hukuman yang ditetapkan dalam nas syarak.³⁰ Perkara yang sama ditegaskan oleh Informan 5³¹, Informan 6³², Informan 7³³ dan Informan 8³⁴ yang menyatakan bahawa peruntukan sedia ada tidak mencapai *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Mereka mencadangkan pindaan Rang Undang-undang 355 dan hukuman bagi pesalah Jenayah Syariah di Malaysia perlu dinaikkan kepada maksimum 30 tahun penjara, denda maksimum RM100,000 dan sebatan 100 kali.

Menurut Informan 9 pula, peruntukan hukuman sedia ada tidak menepati *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Hal ini demikian kerana, keterbatasan dalam peruntukan hukuman sedia ada menyempitkan

²⁸ Informan 2. (Professor Madya Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, UniSZA) dalam temu bual pada 16 September 2021.

²⁹ Informan 3. (Hakim Mahkamah Rendah Syariah negeri Selangor) dalam temu bual bertulis melalui e-mel, 19 Oktober 2021.

³⁰ Informan 4. (Peguam Syarie negeri Selangor) dalam temu bual bertulis melalui e-mel, 19 September 2021.

³¹ Informan 5. (Ketua Hakim Syarie Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, JKSM) dalam temu bual bertulis melalui e-mel, 4 Oktober 2021.

³² Informan 6. (Professor Madya Kuliah Ilmu Wahyu, Jabatan Fiqh dan Usul (IRKIIUM) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) dalam temu bual melalui e-mel pada 21 Disember 2021.

³³ Informan 7. (Hakim Mahkamah Rendah Syariah negeri Perak) dalam temu bual bertulis melalui e-mel, 17 Oktober 2021.

³⁴ Informan 8. (Peguam Syarie dan Sivil negeri Kedah) dalam temu bual bertulis melalui e-mel, 24 November 2021.

ruh dan ruang untuk diiktiraf sebagai mencapai *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Tambahan pula, hukuman jenayah yang boleh dikatakan mencapai *Maqāṣid al-Sharī'ah* ialah '*Uqūbah Muqaddarah bi al-Naṣṣ* seperti jenayah hudud dan qisas. '*Uqūbah* tersebut pula perlu bertepatan dengan kesalahan dan kadar hukumannya serta meraikan hak Allah dan hak masyarakat. Sekiranya ditetapkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia selari dengan kategori hukuman tersebut maka boleh dikatakan ia mencapai *Maqāṣid al-Sharī'ah* secara holistik.³⁵ Pengkaji tidak menafikan peranan hukuman takzir secara keseluruhan kerana ia merupakan sebahagian mekanisme penting dalam perundangan Islam untuk merealisasikan masalah. Namun perkara penting yang perlu diberikan perhatian ialah tahap kecukupan hukuman perlu diimbangi dengan tahap keseriusan kesalahan dari sudut syarak. Oleh itu, kesalahan yang bersifat takzir ini sewajarnya dipinda supaya lebih meraikan ruh *Hifz al-Din*.

Pengkaji melihat bahawa agak sukar sekiranya hendak dipenuhi dengan sempurna tuntutan pelaksanaan hukuman jenayah syariah menurut acuan *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Bagi pengkaji, kita sepatutnya mencontohi pelaksanaan hukuman pada zaman baginda Rasulullah S.A.W. kerana Baginda merupakan model normatif tertinggi serta autoritatif dalam memahami kehendak *Maqāṣid al-Sharī'ah* tanpa menafikan kepentingan peranan ijtihad ketika zaman kemunculan mazhab yang muktabar serta fuqaha pada zaman kontemporari. Oleh itu, khazanah ijtihad fuqaha' perlu diterokai dan dimanfaatkan supaya pelaksanaan hukuman dapat meraikan *hifz al-din* dalam *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Dalam erti kata yang lain, hukuman jenayah syariah ini perlu dilaksanakan dan pelaksanaannya pula perlu diperkemas dari semasa ke semasa. Perkara ini penting bagi mengelakkan berlakunya penangguhan dalam pelaksanaan hukuman tersebut.³⁶

³⁵ Informan 9. (Professor Madya Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) dalam temu bual bertulis melalui e-mel, 17 September 2021.

³⁶ Informan 9. (Professor Madya Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) dalam temu bual bertulis melalui e-mel, 17 September 2021.

Bagi memastikan hukuman bagi kesalahan berkaitan akidah ini lebih bertepatan dengan *hifz al-din*, pengkaji mencadangkan Akta 355 dipinda dan ditambah baik dengan menaikkan hukuman maksimum daripada 3 tahun penjara, denda RM5,000 dan 6 kali sebatan kepada hukuman 30 tahun penjara, denda RM100,000 dan 100 kali sebatan seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang 355 cadangan pindaan 2021. Selain itu, semua bentuk hukuman yang telah tersedia di dalam al-Quran dan Sunnah perlu dikanunkan (*codified*). Contoh mudah dan paling popular adalah hukuman hudud. Pelaksanaan boleh dimulakan dengan hukuman yang lebih mudah dan tidak terlalu kontroversi bagi mengelak penentangan keras musuh-musuh perundangan Islam. Ini termasuk kesalahan berkaitan akidah sebagaimana yang telah ditangani pada zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar RA ketika memerangi golongan *al-Riddah*.³⁷ Perkara ini bukan bermaksud pemerintah perlu mengangkat senjata memerangi golongan ini, tetapi mengambil semangat perjuangan Rasulullah dan para sahabat dalam memastikan akidah umat Islam terus dipelihara. Setidaknya dengan menaikkan kadar maksimum hukuman bagi kesalahan berkaitan akidah seperti yang terdapat dalam cadangan pindaan Rang Undang-Undang 355 pindaan 2021, menunjukkan keseriusan kesalahan tersebut.

Dari aspek pelaksanaan pula, kita boleh mengaplikasikan dan mencontohi bentuk-bentuk hukuman yang lebih komprehensif yang sedang diamalkan oleh sistem perundangan sivil yang selari dengan Shariah. Hukuman penjara semata-mata tidak lagi sesuai memandangkan banyak elemen dan kesan negatif dan lebih buruk boleh berlaku ke atas banduan. Perkara ini kerana di dalam penjara para banduan akan terdedah kepada pelbagai pengaruh buruk daripada banduan atau penjenayah lain yang mereka temui di dalam penjara. Oleh itu, perlu ada hukuman alternatif selain daripada

³⁷ Informan 11. (Peguam & Penasihat Shariah, Panel Jawatankuasa Penggubal Rang Undang-Undang 355, Pindaan 2021) dalam temu bual bertulis melalui e-mel pada 18 Ogos 2022.

penjara. Hukuman alternatif itu perlu lebih bersifat pemulihan, memupuk keinsafan dan membentuk akhlak mulia kepada pesalah.³⁸

Mahkamah Syariah diberikan kuasa untuk mengeluarkan Perintah Pengawasan. Perintah Pengawasan juga dapat mengelak pesalah daripada mempunyai rekod jenayah. Dalam tempoh Perintah Pengawasan, pesalah terbabit akan dikenakan syarat-syarat tertentu oleh Mahkamah. Misalnya, pesalah perlu hadir dalam program ceramah agama, motivasi atau kaunseling. Pesalah juga mungkin dikehendaki melaporkan diri kepada pihak berkuasa tertentu. Selama dalam tempoh pengawasan ini pesalah juga dilarang daripada memasuki tempat tertentu yang berkaitan dengan kesalahannya serta dilarang daripada mengulangi kesalahan yang sama.³⁹ Pelaksanaan seumpama ini dapat memastikan hukuman berat yang bersifat punitif seperti yang dicadangkan dalam cadangan pindaan Rang Undang-Undang 2021 iaitu 30 tahun penjara, denda RM100,000 dan 100 kali sebatan dapat diimbangi dengan hukuman yang bersifat mendidik (*ta'dib*) dan rehabilitasi kepada pesalah (*Iṣlāh al-Jānī*).

PENUTUP

Sebagai kesimpulannya, berdasarkan analisis data-data yang telah dikemukakan di atas ia menunjukkan dua puluh pakar kajian bersepakat terhadap elemen *Maqāṣid al-Sharī'ah* dan item yang telah dikemukakan di atas. Melihat kepada isu-isu berkaitan jenayah syariah dan situasi yang melibatkan jenayah berkaitan akidah amat serius. Sekiranya tidak dibendung melalui penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat dan komprehensif, nescaya isu ini tidak akan berkesudahan. Lebih teruk lagi, ia akan menjadi polemik yang semakin parah kerana tidak dikekang daripada akar umbi. Penguatkuasaan undang-undang juga perlu selari dengan kehendak dan bertepatan dengan *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Pengabaian terhadap *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam implementasi hukuman juga boleh

³⁸ Informan 11. (Peguam & Penasihat Syariah, Panel Jawatankuasa Penggubal Rang Undang-Undang 355, Pindaan 2021) dalam temu bual bertulis melalui e-mel pada 18 Ogos 2022.

³⁹ Informan 11. (Peguam & Penasihat Syariah, Panel Jawatankuasa Penggubal Rang Undang-Undang 355, Pindaan 2021) dalam temu bual bertulis melalui e-mel pada 18 Ogos 2022.

mengakibatkan kerencatan dan lebih teruk lagi menjadi fitnah kepada agama Islam itu sendiri.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai sepenuhnya oleh Universiti Utara Malaysia melalui Geran Universiti Kod SO: 21885. Pengkaji juga ingin merakamkan penghargaan kepada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia serta rakan penyelidik di Unit Pengajian Islam dan Falsafah atas sokongan dan kemudahan yang disediakan sepanjang kajian ini dijalankan.

RUJUKAN

- A. Hamid, Marwan Bukhari. *Citra Maqāsid al-Syarī'ah Dari Kelahiran Hingga Kebangkitan*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia PRESS, 2021.
- Ab Rahman, Muhamad Firdaus, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi, Nurul Syafiqah Izzaty Mohd Baharom, Siti Farahiyah Ab Rahim, and Abdul Hannan Elissa. "Religious Freedom from an Islamic Perspective in Malaysia: A Case Study of 4th Year Undergraduate Students of Fiqh and Fatwa at Universiti Sains Islam Malaysia." *Journal of Fatwa Management and Research* 29, no. 3 (2024): 173–198. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol29no3.655>.
- Ab Razak, M. R., and S. H. Hamjah. "Faktor Zina dan Kesannya dalam Kehidupan Remaja." *Sains Insani* 2, no. 2 (2018):1–9. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no2.30>.
- al-Bustani, Fu'ad Ifram. *Munjid Tullāb*. Beirut: Dār al-Masyreq. 1956.
- al-Fāsī, 'Ilāl. *Maqāsid Syarī'ah al-Islāmiyyah wa Makarimuha*. Mīsr: Dār al-Salām lil Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah, 2011.
- al-Jurjānī. *al-Sharīf bin Alī, Kitab al-Ta'rīfāt*. Jeddah: Al-Haramayn, n.d.

- al-Raysūnī, Ahmad. *Nazariyat al-Maqāsid 'Inda al-Imām al-Syātibī*. Riyādh: Dar al-'Alamiyyah li al-Kitāb al-Islāmī, 1995.
- al-Seqaf, Sheikh Alwi Ibn Abd al-Qadir. *Ta'arif al-Adyan Lughatan wa Istilahan*. Mause'ah al-Milal Wa al-Adyan, 5. n.d.
- Cheng, C. H., and Y. Lin. "Evaluating the Best Main Battle Tank Using *Fuzzy* Decision Theory with Linguistic Criteria Evaluation." *European Journal of Operational Research* 142, no. 1 (2002): 174–186.
- Chu, H. C., and G. J. Hwang. "A Delphi-Based Approach to Developing Expert Systems with the Cooperation of Multiple Experts." *Expert Systems with Applications* 34, no. 4 (2008): 2826–2840.
- Ibn Kathīr, Ismā'īl ibn 'Umar. *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Beirut: Dār al-Fikr, 1986.
- Ibnu 'Asyūr, Muhammad al-Tāhir. *Maqāsid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. Tunisia: Dār al-Syuhun, 2007.
- Informan 1. Pengarah Bahagian Dasar & Penyelidikan (BDP), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Temu bual oleh penulis. 22 Disember 2025.
- Informan 11. Peguam & Penasihat Syariah, Panel Jawatankuasa Penggubal Rang Undang-Undang 355, Pindaan 2021. Temu bual oleh penulis melalui e-mel. 18 Ogos 2022.
- Informan 2. Professor Madya Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, (UniSZA). Temu bual oleh penulis. 16 September 2021.
- Informan 3. Hakim Mahkamah Rendah Syariah negeri Selangor. Temu bual oleh penulis melalui e-mel. 19 Oktober, 2021.
- Informan 4. Peguam Syarie negeri Selangor. Temu bual oleh penulis melalui e-mel. 19 September 2021.
- Informan 5. Ketua Hakim Syarie Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, JKSM. Temu bual oleh penulis melalui e-mel. 4 Oktober 2021.

- Informan 6. Professor Madya Kuliah Ilmu Wahyu, Jabatan Fiqh dan Usul (IRKIIUM) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Temu bual oleh penulis melalui e-mel. 21 Disember 2021.
- Informan 7. Hakim Mahkamah Rendah Syariah negeri Perak. Temu bual oleh penulis melalui e-mel. 17 Oktober 2021.
- Informan 8. Peguam Syarie dan Sivil negeri Kedah. Temu bual oleh penulis melalui e-mel. 24 November 2021.
- Informan 9. Professor Madya Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Temu bual oleh penulis melalui e-mel. 17 September 2021.
- Ismail, Paizah. “Keperluan Memahami Maqāsid al-Sharī‘ah dalam Membina Fiqh Semasa.” Paper presented at *Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003*, Jabatan Syarī‘ah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.
- Mohd Jamil, Mohd Ridhuan. *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*. Shah Alam: Qaisar Prestige Resources, 2021.
- Mohd Zurita, Nur Aisya Asyikin, and Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. “Penyelewengan Akidah dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Satu Analisis, Perversion of Faith Heresy in Malaysia: A Review.” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23, no. 2 (2022): 197–206.
- Moid, N. S., and M. F. Ashaari. “Kesalahan Akidah dalam Kalangan Masyarakat Islam di Ranau, Sabah dan Inisiatif Menanganinya: Distortion in Beliefs among the Muslim Community in Ranau, Sabah and Initiatives to Address Them.” *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 33, no. 5 (2024): 57–70.
- Noresah Baharom. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1994.
- Wan Halim, W. M. A., and R. Desa. “Analisis Pencapaian Ḥifz al-Nasab terhadap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Berdasarkan Kaedah *Fuzzy Delphi*.” *Jurnal Fiqh* 19, no. 1 (2022): 109–132.